

Perkembangan PKA dan permintaan sijil digital dijangka semakin meningkat selari dengan pertumbuhan ekonomi digital bagi menyokong transformasi digital dalam sektor awam dan swasta. Bilangan produk sijil digital yang dikeluarkan misalnya telah meningkat dari 8.4 juta pada tahun 2015 kepada 10.9 juta pada suku ketiga tahun 2017.

Penyumbang utama terhadap penggunaan PKA di Malaysia adalah dari sektor awam di mana ia merupakan 96 peratus dari jumlah sijil digital yang dikeluarkan. Kebanyakan perkhidmatan aplikasi dalam talian badan kerajaan seperti *e-Filing* (LHDN), *Government PKI* (MAMPU), *uCustoms*, *ePerolehan* (MOF), dan *Digital Certified True Copy* (SSM) disokong oleh penggunaan sijil digital untuk pengesahan identiti dan capaian pengguna ke atas perkhidmatan aplikasi disamping memelihara penghantaran data dalam talian.

Pihak SKMM juga telah memperkenalkan Perkhidmatan Penanda Tarikh/Masa (PPTM) yang diiktiraf di mana ia merupakan perkhidmatan digital berasaskan PKA yang dikawalselia di bawah ATD 1997 dan Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 (PPTD 1998). Perkhidmatan ini dijangka mampu melonjakkan lagi penggunaan PKA ke tahap yang lebih tinggi serta menjadi satu komponen penting di dalam ekosistem digital di Malaysia.

Seiring dengan pertumbuhan dan kepesatan sektor digital negara, Kerajaan melalui SKMM dan KKMM akan mengkaji semula keperluan untuk meminda dan menambahbaik ATD 1997 bagi memastikan pengawalseliaan penggunaan tandatangan digital kekal relevan dan lebih komprehensif. Kajian semula ATD 1997 akan disesuaikan dengan perubahan semasa teknologi digital dan perkembangan industri yang melibatkan penggunaan tandatangan digital.